

PEWARISAN HARTA ORANG HILANG (*AL-MAFQUD*): TINJAUAN TERHADAP PANDANGAN SYARIAH DAN PERLAKSANAANNYA¹

Mushaddad Hasbullah²
Mohamad Zaharuddin Zakaria³
Zahari Mahad Musa²

ABSTRAK

Permasalahan berkaitan orang hilang (*al-mafqud*) merupakan isu yang sangat penting untuk dibincangkan khususnya setelah berlaku pelbagai kejadian yang melibatkan kehilangan orang-orang yang tidak dapat dikesan sama ada disebabkan oleh kecelakaan, berperangan, pemerdagangan manusia dan tidak kurang juga yang menghilangkan diri tanpa dapat dikesan. Kehilangan tersebut membawa kesan yang besar khususnya dalam pembahagian harta pusaka yang melibatkan bahagian orang hilang tersebut ataupun hartanya sendiri yang perlu dibahagikan kepada waris yang lain. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk meneliti pendekatan yang paling sesuai dalam menyelesaikan isu pembahagian harta pusaka yang membabitkan orang hilang khususnya di kalangan umat Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan pewarisan harta *al-mafqud*. Kajian Teks digunakan dengan merujuk kitab-kitab fiqh klasik dan baharu untuk mendapatkan maklumat kajian. Kajian mendapati terdapat beberapa kaedah untuk menyelesaikan pembahagian harta pusaka orang hilang. Justeru, penulis mengambil pendekatan yang paling sesuai dalam menentukan pembahagian tersebut dengan mengambil kira kemaslahatan semua pihak yang terlibat terutamanya ahli waris.

Kata kunci: Pewarisan, harta pusaka, orang hilang, *al-mafqud*, syariah

PENDAHULUAN

Al-Mafqud dari sudut bahasa merupakan kata nama *maf'ul* (objek) yang berasal daripada kata kerja *فَقَدَ* yang bermaksud tiada; contohnya:

وَأَفْتَقَدَ الشَّيْءَ وَتَفَقَّدَهُ: طَالِبُهُ عِنْدَ غَيْبَتِهِ

bermaksud: Dia merasai kehilangan sesuatu dan mencarinya: Dia mencari-carinya ketika ketiadaannya. Di dalam contoh yang lain: seorang wanita yang kehilangan: apabila anaknya meninggal dunia atau kesemua anak-anaknya meninggal dunia (Ibn Manzur, 1414H).

¹ Draf asal artikel ini telah dibentangkan di Konvensyen Pewarisan Harta Islam kali ke-3 pada 4 dan 5 November 2014 di Auditorium Dsury Kompleks, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan.

² Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

³ Timbalan Pengarah Institut Pengurusan Harta dan Kewangan Islam (IFWMI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Manakala dari sudut istilah, *al-mafqud* bermaksud: Seseorang yang hilang daripada ahli keluarga, negeri atau keluarga-keluarganya yang lain tanpa diketahui sama ada masih hidup ataupun telah meninggal dunia dan tidak diketahui di mana tempatnya berada, dengan berlalunya satu tempoh masa berlakunya keadaan tersebut, maka ia dinamakan sebagai hilang. Ini berdasarkan pandangan mazhab Hanafi (Al-Musili, 1937).

Para ulama mazhab Maliki pula mentakrifkan *al-Mafqud* sebagai seseorang yang terputus pengkhabaran daripadanya namun masih berkemungkinan dijumpai (Al-Dusuqi, tt). Manakala para ulama Syafie pula mentakrifkan *al-Mafqud* sebagai seseorang yang terputus

sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'id bin al-Musayyib bahawa Umar al-Khattab r.a berkata: "bagi kes *al-Mafqud*, isterinya hendaklah menunggu sehingga empat tahun kemudian barulah wali suaminya menceraikannya setelah itu hendaklah beliau beriddah selama empat bulan sepuluh hari dan setelah itu barulah beliau boleh berkahwin¹. Saidina Umar r.a. telah menetapkan selama empat tahun sebagai tempoh menunggu dan setelah itu barulah beliau mengarahkan wanita tersebut berkahwin lain. Justeru, al-Imam Ibn Qudamah telah menyatakan bahawa para sahabat r.a telah bersetuju (Ijmak) membenarkan isteri orang hilang tersebut untuk berkahwin lain. Apabila diputuskan sedemikian dalam membenarkan perkahwinan isteri orang hilang tersebut dalam keadaan berwaspada menjaga kehormatan wanita tersebut, maka dalam urusan pembahagian harta, ia lebih utama supaya berhati-hati dan berwaspada dalam mengagihkannya (Ibn Qudamah, 1968).

Tarjih: Pandangan yang paling kuat adalah pandangan pertama iaitu pandangan Jumhur ulama iaitu penentuan tempoh tersebut diputuskan oleh hakim tanpa menetapkan tempoh khusus untuk menunggu orang hilang tersebut. Perkara tersebut diserahkan sepenuhnya kepada ijtihad hakim sama ada bagi situasi yang selamat ataupun situasi yang kebiasaannya berlaku kemusnahan atau kematian. Pemilihan pandangan ini sebagai pandangan yang paling kuat berdasarkan kepada hujah-hujah berikut:

- 1- Apa yang diriwayatkan daripada saidina Umar r.a adalah berkaitan isu khusus. Isu tersebut adalah isu khas berdasarkan keadaan tertentu dan hukumnya tidak ditetapkan oleh nas tertentu tetapi berdasarkan ijtihad. Justeru, pandangan yang paling kuat dalam hal ini ialah merujuk kepada ijtihad Sultan (Imam) ataupun sesiapa yang dilantik oleh imam untuk mewakilinya di dalam urusan kehakiman.
- 2- Ijtihad hakim adalah keputusan yang paling sesuai untuk kebaikan waris orang hilang tersebut. Hal yang demikian kerana seorang hakim akan menyiasat segala bukti untuk memastikan sama ada orang hilang tersebut masih hidup atau telah meninggal dunia. Adalah tidak logik sekiranya kita membiarkan harta pusaka tanpa diagihkan selama sembilan puluh tahun, atau empat tahun sedangkan hakim berkemampuan untuk melakukan penyiasatan dan mendapatkan segala bukti yang menunjukkan keadaan orang hilang tersebut walaupun sekadar sangkaan yang kuat (غلبة الظن). Lebih-lebih lagi pada zaman ini, terdapat pelbagai peralatan dan alat perhubungan moden yang membolehkan kita mendapatkan sebarang maklumat yang tidak dapat diperolehi pada zaman dahulu.
- 3- Manusia adalah berbeza antara satu sama lain. Terdapat dikalangan kita yang masyhur dan dikenali ramai sehingga mudah diketahui di mana dia berada. Mereka yang terkenal ini, adakalanya telah diketahui keadaanya dalam tempoh setahun selepas kehilangannya bahawa

¹Dikeluarkan oleh al-Bayhaqi di dalam kitab Sunan al-Kubra, (Kitab Iddah, bab sesiapa yang mengatakan perlu menunggu selama empat tahun kemudian empat bulan sepuluh hari kemudian menjadi halal baginya berkahwin) no. 15569, vol.7, hlm. 732

beliau telah meninggal dunia kerana semua mengenalinya. Terdapat juga di kalangan manusia yang tidak dikenali dan sekiranya dia hilang, tiada siapa yang mengetahui keadaannya. Adakah wajar kita mengatakan dalam ini kita perlu menunggu sebagaimana kita menunggu sepertimana dalam kes pertama tadi? Sudah tentulah tidak, kerana ia memerlukan kita mencari dengan lebih terperinci kerana orang yang tersebut hanyalah manusia biasa yang tidak dikenali dalam masyarakat. Justeru, kita perlu menunggu dengan lebih lama. Kemudian, apabila telah terbukti bahawa orang yang hilang tersebut telah meninggal dunia maka barulah kita mengeluarkan pengesahan kematiannya. Di sini, menjadi kewajipan kepada hakim untuk mencari orang hilang tersebut terlebih dahulu sebelum mengeluarkan sebarang pengesahan berkaitan orang hilang tersebut

STATUS Pewarisan Harta ORANG HILANG (*AL-MAFQUD*)

Para ulama bersepakat bahawa pengesahan kematian orang hilang dikira sebaik sahaja diputuskan oleh hakim berkenaan kematiannya (Al-Sarakhsi, 1993, al-Dasuqi, t.t, al-Ghazali, 1996, Ibn Qudamah, 1968). Mereka juga sepakat bahawa hanya waris yang masih hidup ketika diisytiharkan kematiannya sahaja yang boleh mewarisi hartanya. Sesiapa yang meninggal sebelum daripada itu tidak akan mendapat pewarisan sebagaimana tercatat di dalam syarat-syarat pewarisan harta pusaka. Antaranya hendaklah dipastikan hidup waris berkenaan selepas kematian pewaris walau sekadar satu detik (Abu Bakr, 1904, al-Qarafi, 1994, al-Jamal, t.t, al-Bahuti, t.t). Harta tersebut tidak dibenarkan untuk diagihkan sebelum hakim mengeluarkan pengesahan kematian orang hilang tersebut, kerana apa yang telah ditetapkan berdasarkan kaedah Istishab iaitu berdasarkan hukum asal, hukum tersebut hendaklah berkekalan mengikut hukum asal dan tidak boleh menetapkan sesuatu yang belum berlaku (Al-Kasani, 1986). Ini berdasarkan kaedah fiqh:

"أن الحادث يضاف إلى أقرب أوقاته"

“Hukum bagi sesuatu peristiwa disandarkan kepada keadaan pada waktu yang terhampir”(Abu al-Abbas, 1985).

Manakala hukum bagi pewarisan harta orang hilang yang diterima daripada warisnya yang meninggal dunia sebelum kematian orang hilang tersebut disahkan, ia boleh berlaku dalam dua keadaan berikut:

Situasi pertama: Orang hilang tersebut merupakan waris tunggal kepada simati, ataupun beliau merupakan pendinding (*hajib*) kepada waris-waris yang lain. Dalam situasi ini, ditangguhkan segala pembahagian harta simati sehingga jelas keadaan orang hilang tersebut atau setelah hakim mengesahkan kematian orang hilang tersebut (Al-Jurjani, 1944, al-Fardhi, t.t, al-Salum, 1998).

Situasi kedua: Terdapat ahli waris lain yang turut berkongsi bahagian bersama orang hilang tersebut. Dalam situasi ini, para ulama berselisih pandangan kepada tiga golongan: Pandangan pertama: Juhur ulama yang terdiri daripada mazhab Hanafi, Maliki, dan Syafie dalam pandangan yang paling Sahih dan Hanbali. Mereka berpandangan bahawa waris tersebut diberikan bahagian yang paling yakin iaitu bahagian yang paling rendah antara dua keadaan iaitu antara bahagian yang mereka perolehi sekiranya orang hilang tersebut masih hidup ataupun bahagian yang diperolehi seandainya orang hilang tersebut meninggal dunia. Manakala baki daripada pembahagian tersebut ditangguhkan pembahagiannya sehingga mendapat kepastian keadaan sebenar orang hilang tersebut. Hal berkenaan kerana bahagian yang paling rendah itu adalah bahagian yang paling meyakinkan dan apa yang lebih daripada jumlah berkenaan adalah meragukan untuk diberikan kepada waris berkenaan (Ibn al-Shihnah, 1973, al-Qarafi, 1994, Ramli, 1984, Ibn Qudamah, 1994).

Antara sebab yang membawa kepada penangguhan bahagian orang hilang dan dibahagikan bahagian terendah kepada warisnya yang lain adalah kerana:-

- 1) Harta berkenaan adalah harta yang tidak diketahui siapakah pemiliknya pada waktu tersebut. Ia menyamai harta yang ditangguhkan pembahagiannya kepada anak dalam kandungan. Sekiranya anak tersebut lahir dalam keadaan selamat, maka bahagiannya akan diberikan kepadanya, dan sekiranya anak tersebut telah meninggal dunia ketika kelahirannya maka dia tidak berhak untuk mendapat apa-apa bahagian daripada harta peninggalan tersebut (al-Sarakhsi, 1993).
- 2) Keadaan seseorang yang hilang adalah sama dengan keadaan di mana kematian waris dan pewaris yang tidak diketahui siapa yang meninggal dunia dahulu. Dalam keadaan ini, waris juga tidak mendapat pewarisan kerana tidak diketahui kebenarannya dan antara tujuan dan hikmah menangguhkan pembahagian tersebut kerana berkemungkinan orang hilang itu masih hidup (al-Khurashi, t.t).

Pandangan kedua: Para ulama mazhab Syafie dalam pandangan yang kedua menyatakan masalah tersebut perlu diselesaikan dengan menganggap orang hilang tersebut telah meninggal dunia untuk kemaslahatan semua ahli waris kerana hak mereka terhadap harta tersebut adalah pasti manakala hak orang hilang terhadap harta tersebut masih lagi diragui, namun sekiranya keputusan tersebut bercanggah dengan keadaan yang sebenar, maka hukum tersebut akan diubah mengikut keadaan yang sebenar. Pandangan ini juga adalah pendapat kedua di sisi mazhab Hanbali (al-Nawawi, 1991).

Pandangan ketiga: Pendapat ketiga dalam mazhab Syafie menyatakan harta tersebut hendak dibahagikan kepada semua waris yang berhak berdasarkan anggapan bahawa orang hilang tersebut masih hidup. Ini kerana berdasarkan hukum asal, orang hilang tersebut dikira masih hidup, dan sekiranya berlaku kesilapan maka hukum tersebut akan berubah berdasarkan situasi sebenar (al-Nawawi, 1991).

Tarjih: Pandangan yang paling kuat adalah pandangan pertama iaitu pandangan juhur ulama iaitu membenarkan pembahagian harta kepada waris berdasarkan bahagian yang paling

rendah antara dua keadaan sama ada dengan kebarangkalian orang hilang tersebut masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Pandangan ini dianggap kuat berbanding pandangan-pandangan yang lain berdasarkan bahawa ia adalah pandangan pertengahan di antara pandangan-pandangan yang lain dan juga ia adalah pandangan yang paling berhati-hati dan menjamin hak orang hilang dan waris yang lain (al-Lahim, 1986). Hal yang demikian kerana bahagian yang paling sedikit adalah bahagian yang paling yakin di mana masing-masing berhak ke atasnya walaupun orang hilang tersebut kembali dalam keadaan masih hidup. Apa yang lebih daripada bahagian yang sedikit tersebut, ia adalah meragukan disebabkan tiada bukti tentang keadaannya kecuali selepas hakim mengeluarkan keputusannya. Ini berdasarkan kaedah fiqh:

"اليقين لا يزول بالشك"

Keyakinan tidak boleh dihilangkan dengan keraguan (al-Burkati, 1986).

Hukum Bagi ORANG HILANG (*AL-MAFQUD*) YANG Kembali SEMULA

Seseorang orang hilang yang dihukumkan telah meninggal dunia oleh pihak Hakim, sekiranya orang hilang tersebut masih hidup dan harta peninggalan masih belum diagihkan, maka beliau berhak ke atas bahagian yang disimpan untuknya. Begitu juga dengan hartanya yang masih kekal menjadi miliknya. Namun, sekiranya ia muncul selepas pembahagian harta pusaka, maka bahagiannya daripada pembahagian tersebut hendaklah diberikan kepadanya (al-Mawardi, t.t).

Para ulama berselisih pandangan tentang hukum waris yang merosakkan hartanya atau membelanjakan hartanya sama ada dikenakan gantirugi ke atas mereka atau tidak.

Pandangan pertama: Jumhur ulama yang terdiri daripada mazhab Hanafi, Maliki, Syafie berpandangan bahawa waris tidak perlu membayar gantirugi sekiranya pembahagian hartanya atau bahagiannya dilakukan selepas pengistiharan kematiannya oleh hakim (al-Sarakhsi, 1993, al-Dasuqi, t.t, al-Syarbini, 1994). Dalilnya adalah:

- 1- Perkara tersebut adalah sebahagian perkara ijtihad. Justeru sebarang hukum yang dikeluarkan oleh hakim adalah satu hukum yang diiktiraf dan tidak boleh untuk dibatalkan (al-Ansari, t.t).
- 2- Seorang hakim mempunyai hak menguruskan (wilayah) ke atas harta orang hilang. Sebarang tindakannya ke atas harta tersebut adalah seumpama tindakan pemiliknya sendiri. Maka sebarang perbelanjaan dengan menggunakan hartanya oleh hakim atau wakilnya untuk kegunaan isteri dan anak-anaknya tidak perlu diganti (al-Sarakhsi, 1993).

Pandangan kedua: Mazhab Hanafi dalam satu riwayat dan pendapat yang sahih dalam mazhab Hanbali menyatakan bahawa waris wajib mengganti nilai harta yang telah dibelanjakan sekiranya tidak mampu untuk memulangkan dalam bentuk asalnya (al-Saghdi, 1984).

Tarjih: Pandangan yang paling kuat di dalam isu ini adalah pandangan yang kedua iaitu hakim mesti memulangkan kembali harta orang hilang tersebut seandainya beliau kembali dalam keadaan hidup walaupun selepas hakim memutuskan kematiannya atau selepas

pembahagian hartanya. Sekiranya para waris tidak dapat memulangkan harta tersebut dalam keadaan asalnya, maka mereka wajib membayar ganti rugi berdasarkan nilai harta tersebut. Ini berdasarkan kaedah “hukum yang diputuskan oleh hakim adalah menepati hukum yakin, dan hukum tersebut tidak boleh digugurkan melainkan dengan keadaan yakin yang lain”. Berpandukan kaedah fiqh iaitu:

"ما ثبت بيقين لا يرتفع إلا بيقين"

“Hukum yang diputuskan secara yakin, ianya tidak boleh diubah melainkan dengan bukti lain secara yakin” (Khawajih, 1991).

Dan kembalinya orang hilang berkenaan adalah suatu yang pasti iaitu yakin dan keyakinan tersebut lebih kuat daripada keputusan hakim yang hanya bersandarkan kepada sangkaan yang kuat (*al-Dhaan al-Ghalib*).

PENGIRAAN Dalam KES Pusaka ORANG HILANG (*AL-MAFQUD*)

Berdasarkan pandangan yang memberikan kepada setiap waris bahagian yang paling kurang di antara dua keadaan sama ada dianggap orang hilang tersebut masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Manakala lebih daripada pembahagian tersebut ditangguhkan pembahagiannya sehinggalah diketahui keadaannya yang sebenar. Berikut adalah cara pengiraan berdasarkan contoh-contoh tertentu (Ahmad, 2004, al-Sarakhsi, 1993):

i. Kes I: Si Mati meninggalkan waris iaitu suami, ibu, saudara lelaki kandung yang hilang, saudara lelaki sebapa. Penyelesaian pusaka adalah seperti jadual (1):

Jadual 1: Penyelesaian Kes *al-Mafqud* (I)

Waris	Andaian Pertama Mafqud = Hidup		Andaian Kedua Mafqud = Mati		Nilai Diyaki ni	Nilai Tertangguh	
	Fardu	Saham	Fardu	Saham			
Suami	1/2	3/6	1/2	3/6	3	0	
Ibu	1/6	1/6	1/3	2/6	1		1
Saudara Lelaki Kandung (Mafqud)	Asabah	2/6	tiada	Tiada	0	2	0
Saudara Lelaki Sebapa	Mahjub	tiada	Asaba h	1/6	0		1
Asal Masalah (Jumlah)	6/6		Jumla h	6/6	4	Jumla h	2

Dalam kes ini, asal masalah untuk orang hilang yang dianggap masih hidup ialah 6 bahagian dan asal masalah sekiranya meninggal dunia ialah 6 bahagian. Terdapat persamaan antara keduanya. Memadai untuk menjadikan 6 sebagai asas pengiraan bagi kedua-duanya. Kemudian asas tersebut (6) dibahagikan kepada kedua-dua masalah untuk mendapatkan bahagian saham bagi setiap masalah. Bahagian setiap waris diperolehi dengan mendarabkan bahagiannya dengan bahagian saham bagi masalahnya. Letakkan bahagian yang paling kurang sebagai kadar atau nilai yang diyakini dan bakinya iaitu (2) ditangguhkan pembahagiannya sehingga terdapat bukti tentang keadaan sebenar orang hilang tersebut.

ii. Kes II: Si Mati meninggalkan isteri, anak perempuan, anak lelaki yang hilang, bapa saudara sebelah bapa. Penyelesaian pusaka adalah seperti jadual (2):

Jadual 2: Penyelesaian Kes *al-Mafqud* (II)

Waris	Andaian Pertama <i>Mafqud</i> = Hidup			Andaian Kedua <i>Mafqud</i> = Mati			Nilai Diyakini	Nilai Tertangguh	
	Fardu	Saha m	Tashi h	Fardu	Saha m	Tashi h			
Isteri	1/8	1/8	3/24	1/8	1/8	3/24	3	0	
Anak Perempuan	Asaba h	7/8	7/24	1/2	4/8	12/24	7	14	5
Anak Lelaki (<i>Mafqud</i>)			14/24	tiada	tiada	Tiada	0		0
Bapa Saudara Sebapa	Mahju b	tiada	Tiada	Asaba h	3/8	9/24	0		9
Asal (Jumlah)	Masalah	8/8	24/24	Jumla h	8/8	24/24	10	Jumla h	14

Dalam kes ini, asal masalah seandainya hidup selepas dikira ialah (24), manakala asal masalah seandainya mati ialah (8) dan kedua-duanya bersesuaiannya dan memadai kita mengambil jumlah yang paling besar untuk menjadikan asas masalah bagi kedua-dua masalah. Kemudian sebagaimana sebelumnya kita bahagikan asas tersebut kepada kedua-dua masalah untuk mendapatkan bahagian saham kedua-duanya. Dan bahagian setiap waris dibawah asas tersebut adalah bahagian yang paling kurang di antara dua keadaan bagi *al-mafqud*.

iii. Kes II: Si Mati meninggalkan waris iaitu suami, ibu, saudara kandung perempuan, saudara kandung perempuan (*mafqud*), saudara lelaki kandung (*mafqud*). Dalam kes ini terdapat dua orang yang hilang. Terdapat empat andaian dengan anggapan kedua-dua orang berkenaan atau salah seorang yang masih hidup dan juga telah meninggal dunia. Kemudian pembahagiannya secara menyeluruh akan disusun di dalam satu jadual lengkap. Penyelesaian pusaka adalah seperti jadual (3):

Jadual 3: Penyelesaian Kes *al-Mafqud* (III) a

Waris	Andaian Pertama (I) Kedua-dua <i>Mafqud</i> = Hidup		
	Fardu	Saham	Tashih
Suami	1/2	3/6	6/12
Ibu	1/6	1/6	2/12
Saudara Perempuan	Asabah	2/6	1/12
Saudara Perempuan (<i>Mafqud</i>)			1/12
Saudara Lelaki (<i>Mafqud</i>)			2/12
Asal Masalah (Jumlah)		6/6	12/12

Andaian Kedua (II) Kedua-dua <i>Mafqud</i> = Mati		
Fardu	Saham	Tashih
1/2	3/6	3/8
1/3	2/6	2/8
1/2	3/6	3/8
tiada	tiada	tiada
tiada	tiada	tiada
Jumlah	8/6	8/8

Waris	Andaian Ketiga (III) <i>Mafqud</i> pertama = Hidup <i>Mafqud</i> kedua = mati		
	Fardu	Saham	Tashih
Suami	1/2	3/6	3/8
Ibu	1/6	1/6	1/8
Saudara Perempuan (<i>Mafqud</i>)	2/3	4/6	2/8
Saudara Perempuan			2/8
Saudara Lelaki (<i>Mafqud</i>)	tiada	tiada	tiada
Asal Masalah (Jumlah)		8/6	8/8

Andaian Keempat (IV) <i>Mafqud</i> pertama = Mati <i>Mafqud</i> kedua = Hidup		
Fardu	Saham	Tashih
1/2	3/6	9/18
1/6	1/6	3/18
tiada	tiada	tiada
Asabah	2/6	2/18
		4/18
Jumlah	6/6	18/18

Penyelesaian pusaka bagi keseluruhan andaian dalam kes 3 adalah seperti jadual (4):

Jadual 4: Penyelesaian kes *al-Mafqud* (III) b

Waris	Andaian Pertama		Andaian Kedua		Andaian Ketiga		Andaian Keempat		Nilai Diyakini	Nilai Tertanggung			
	Tashih	Nilai Penyama (Jamiah)	Tashih	Nilai Penyama (Jamiah)	Tashih	Nilai Penyama (Jamiah)	Tashih	Nilai Penyama (Jamiah)		A(I)	A(II)	A(I II)	A(I V)
Suami	6/12	36/72	3/8	27/72	3/8	27/72	9/18	36/72	27	9	0	0	9
Ibu	2/12	12/72	2/8	18/72	1/8	9/72	3/18	12/72	9	3	9	0	3
Saudara Perempuan	1/12	6/72	3/8	27/72	2/8	18/72	2/18	8/71	6	0	21	12	2
Saudara Perempuan (<i>Mafqud</i>)	1/12	6/72	tiada	tiada	2/8	18/72	tiada	tiada	0	6	0	18	0
Saudara Lelaki (<i>Mafqud</i>)	2/12	12/72	tiada	tiada	tiada	tiada	4/18	16/72	0	12	0	0	16
Asal Masalah (Jumlah)	12/12	72/72	8/8	72/72	8/8	72/72	18/18	72/72	42	30	30	30	30

Dalam jadual di atas, terdapat empat andaian dalam menentukan kedudukan orang hilang. Asal masalah bagi setiap situasi ialah (12), (8), (8) dan (18). Selepas membuat perkiraan berdasarkan keempat-empat keadaan berkenaan maka dapat dikeluarkan sebanyak (72) sebagai asas pengiraan (nilai penyama) bagi keseluruhan masalah. Kemudian bahagikan jumlah tersebut kepada semua masalah untuk mendapatkan bahagian masing-masing, maka darabkan bahagian setiap waris dengan bahagian saham bagi permasalahannya, untuk menetapkan bahagian yang paling kurang. Setelah dikeluarkan nilai yang diyakini maka harta yang ditangguhkan pembahagiannya turut dikelalpasti.

KESIMPULAN

Isu orang hilang (*al-mafqud*) telah lama dibincangkan oleh para ulama terdahulu dan juga para ulama kontemporari. Perbezaan mungkin terjadi berdasarkan keadaan yang menimpa orang hilang tersebut. Penyelesaiannya adalah sama di mana para fuqaha telah berijtihad untuk mencapai satu hukum yang menjamin kemaslahatan pihak-pihak yang terlibat terutamanya orang hilang tersebut begitu juga waris yang berhak. Namun, ia tidak menjadi masalah yang besar memandangkan peranan seseorang hakim yang mempunyai kata putus dalam menyelesaikan sebarang pertikaian dan konflik yang timbul dalam perkara ini.

Kesimpulannya, Islam mengambil berat berkenaan isu pembahagian harta pusaka orang hilang (*al-mafqud*) memandangkan ia melibatkan hak yang dipertikaikan. Kesilapan dalam pembahagian boleh menyebabkan kemudaratan kepada orang hilang tersebut. Justeru, pihak yang berwajib disarankan untuk mengambil keputusan yang terbaik demi menjaga kemaslahatan orang hilang, waris dan juga hartanya.

Perkara-perkara yang perlu diperhatikan tentang pewarisan harta orang hilang (*al-mafqud*) adalah seperti berikut:

1. Penentuan tempoh hilang diputuskan oleh hakim atau termasuk dalam bidangkuasa mahkamah Syariah pada masakini tanpa menetapkan tempoh tertentu. Perkara tersebut diserahkan sepenuhnya kepada hakim dengan sokongan bukti-bukti yang terperinci dalam menentukan anggapan kematian seseorang.
2. Sekiranya orang hilang (*al-mafqud*) masih hidup dan harta peninggalan masih belum diagihkan, maka beliau berhak ke atas bahagian yang disimpan untuknya. Begitu juga dengan hartanya yang masih kekal menjadi miliknya.
3. Sekiranya orang hilang (*al-mafqud*) muncul selepas pembahagian harta pusaka, maka bahagiannya sebagai penerima pusaka daripada pembahagian tersebut hendaklah diberikan kepadanya.
4. Terdapat dua situasi utama dalam agihan pewarisan orang hilang, iaitu;
 - i. Orang hilang tersebut merupakan waris tunggal kepada simati, ataupun beliau merupakan pendinding (*hajib*) kepada waris-waris lain. Dalam situasi ini, ditangguhkan segala pembahagian harta simati sehingga jelas keadaan orang hilang tersebut atau setelah hakim mengesahkan kematian orang hilang tersebut.
 - ii. Terdapat waris lain yang turut berkongsi bahagian bersama orang hilang tersebut. Dalam situasi ini, pandangan jumhur ulama adalah yang paling kuat iaitu membenarkan pembahagian harta kepada waris berdasarkan bahagian yang paling rendah antara dua keadaan sama ada dengan kebarangkalian orang hilang tersebut masih hidup ataupun telah meninggal dunia. Ini merupakan sebahagian pendekatan berwaspada (*al-ihiyat*) dalam agihan pusaka iaitu mengambil langkah berhati-hati dalam penentuan sesuatu hukum.

Rujukan

- Abu al-Abbas, Ahmad bin Muhammad, Ghamzu °Uyun al-Basa'ir fi Sharhi al-Ashbah wa al-Naza'ir, Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 1985.
- Abu al-Ma'ali, Burhanuddin Mahmud Bin Ahmad, al-Muhit al-Burhani fi al-Fiqhi al-Nu'mani, Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 2004.
- Al-Ansari, Zakaria bin Muhammad, Asna al-Matalib, Darul Kitab Islami.
- Al-Babarti, Muhammad bin Muhammad, Al-°Inayah Shrah al-Hidayah, Darul Fikr, t.t.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, Al-Raud al-Murbi° Sharh Zaadi al-Mustaqni° , Muassah Risalah, t.t.
- Al-Bahuti, Mansur bin Yunus, Kassyaf al-Qina' °an Matni al-Iqna', Darul Kutub 'Ilmiyyah, t.t.
- Al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husein, Sunan al-Kubra, Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 3, 2003.
- Al-Burkati, Muhammad °Amim, Qawa'id al-Fiqh, Karachi, 1986.
- Al-Dasuqi, Muhammad bin Ahmad, Hashiah al-Dasuqi, Darul Fikr, t.t .
- Al-Dusuqi, Muhammad bin Ahmad, Hashiah al-Dusuqi °ala al-Sharh al-Kabir, Darul Fikr, t.t.
- Al-Fardhi, Ibrahim bin Abdullah, al-°Azbu al-Faid, t.t .
- Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, Al-Wasit fi al-Mazhab, Kaherah: Darussalam, cetakan 1, 1417.
- Al-Hatab, Muhammad bin Muhammad, Mawahib al-Jalil fi Sharh Mukhtasar Khalil, Darul Fikr, cetakan 3, 1992, t.t.
- Al-Jamal, Sulaiman bin Umar, Futuhat al-Wahhab, Darul Fikr, t.t.
- Al-Jurjani, Ali bin Muhammad, Sharh al-Sirajiah, Matba'ah Halabi, 1944.
- Al-Kasani, Abu Bakr bin Mas'ud, al-Badai° Wa al-Sanai°, Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 2, 1986.
- Al-Khurashi, Muhammad bin Abdullah, Sharh Mukhtasar Khalil, Beirut: Darul Fikr, t.t.
- Al-Lahim, Abdul Karim bin Muhammad, Al-Fara'id, Riyad: Maktabah Ma'arif, 1986.
- Al-Mawardi, Ali bin Sulaiman, al-Insaf, Darul Ihya' al-Turath al-Arabi, t.t.
- Al-Musili, Abdullah Mahmud, al-Ikhtiar li Ta'lil al-Mukhtar, Kaherah: Halabi, 1937.
- Al-Nawawi, Muhyiddin Yahya bin Syaraf, Raudah al-Talibin wa °Umdah al-Muftin, cetakan 3, vol. 6, Maktab Islami: Beirut, 1991.
- Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf, Raudatu al-Talibin, Beirut: Maktabah Islami, 1991.
- Al-Qarafi, Shihabuddin bin Ahmad, al-Zakhirah, Beirut: Darul Gharbil Islami, 1994.
- Al-Ramli, Syamsuddin Muhammad bin Abi al-Abbas, Nihayatu al-Muhtaj, Beirut: Darul Fikr, 1984.
- Al-Saghdi, Ali bin Hussein, al-Natfu fi al-Fatawa, Amman: Darul Furqan, cetakan 2, 1984.
- Al-Salum, Wasilah li Raghabin wa Bughyatu al-Mustafsidin fi °Ilmi al-Faraid, Maktabah al-Rushd, 1988.
- Al-Samarqandi, Muhammad bin Ahmad, Tuhfatu al-Fuqaha', Beirut: Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 2, 1994.
- Al-Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad, al-Mabsut, Beirut: Darul Ma'rifah, 1993.
- Al-Syarbini, Muhammad bin Ahmad, Mughni al-Muhtaj, Darul Kutub 'Ilmiyyah, cetakan 1, 1994.
- Al-Zubaidi, Abu Bakr bin Ali, Al-Jauharah al-Niirah, Matba'ah khairiyyah, 1904.
- Dama Afandi, Abdurrahman bin Muhammad, Majma° al-Anhar fi Sharh Multaqa al-Abhar, Darul Ihya' al-Turath al-'Arabi, t.t.
- Ibn al-Shihnah, Lisanu al-Hukkam fi Ma°rifati al-Ahkam, Kaherah: Halabi, cetakan 2, 1973.

- Ibn Manzur, Jamaluddin, Lisan al-Arab, Beirut: Darul Sadir, cetakan ke 3, 1993.
- Ibn Nujaym, Zainuddin bin Ibrahim, Al-Bahr al-Raiq Sharh Kanz al-Daqaiq, Darul Kitab Islami, cetakan 2, t.t.
- Ibn Qudamah, Abdul Rahman bin Muhammad, Al-Sharh al-Kabir ala Matni al-Muqni^c, Darul Kitab ‘Arabi, t.t.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad, al-Kafi fi Fiqhi al-Imam Ahmad, Darul Kutub ‘Ilmiyyah, 1993.
- Ibn Qudamah, Abdullah bin Ahmad, al-Mughni, Kaherah: Maktabah Kaherah, 1968.
- Khawajih, Ali Haidar, Durar al-Hukkam fi Sharhi Majallati al-Ahkam, cetakan 1, 1991.
- Malik bin Anas, Al-Mudawwanah al-Kubra, Darul Kutub al-‘Ilmiyyah, cetakan 1, 1994.